

Nur Alfian dilantik kapten baru

Pemenang dua pingat emas Sukan SEA diharap dapat pimpin skuad pesilat muda hingga Sukan Asia 2018

► ISMAIL ALI
ismail@sph.com.sg

SKUAD pesilat nasional mempunyai seorang kapten baru selepas pemenang dua pingat emas Sukan SEA Muhammad Nur Alfian Juma'en dilantik memikul tugas itu.

Pelantikan itu dibuat dalam satu mesyuarat pasukan nasional yang terdiri daripada skuad senior dan junior di Pusat Kecemerlangan Silat Persekutuan Silat Singapura (Persisi) malam kelmarin.

Pemenang pingat emas acara tanding Kelas F (70-75kg) Sukan SEA Myanmar 2013 dan Sukan SEA yang baru lalu itu menggantikan bekas juara dunia Muhammad Shakir Juanda, 27 tahun, yang telah memimpin pasukan nasional sebagai kapten selama lima tahun antara 2008 dengan 2010 dan 2012 hingga 2015.

Nur Alfian, 18 tahun, akan menjadi kapten mulai 1 Ogos ini hingga selepas Sukan Asia 2018 di Jakarta.

Beliau akan dibantu juara dunia Sheik Farhan Sheik Allau'ddin, 17 tahun, yang mengambil tugas penolong kapten Muhammad Iqbal Abdul Rahman, 21 tahun.

Menjelaskan pelantikan itu, Ketua Pegawai Eksekutif Persisi Sheik Allau'ddin Yacoub Marican berkata Nur Alfian dilantik supaya dapat memimpin pasukan pesilat muda yang diharap akan mencontohi kejayaannya dan Sheik Farhan menjadi juara.

"Nur Alfian mempunyai ciri ketua dan pernah menjadi ketua pelajar di Sekolah Sukan.

"Selain menjadi contoh kepada pesilat seusianya dan yang lebih muda dengan kegiuhannya sebagai atlet ketika berlatih, beliau diharap menjadi jambatan penghubung antara anggota Lembaga Persisi, pasukan kejurulatihan dan saya sendiri dengan semua pesilat lain.

"Saya mahu pesilat lain menjadi seperti beliau dengan menjadi juara dan memenangi pingat dalam Sukan SEA 2017 di Kuala Lumpur dan Sukan Asia 2018 di Jakarta," jelas Sheik Allau'ddin, yang menggariskan misi memenangi pingat pasukan nasional dalam kedua temasya tersebut dalam mesyuarat kelmarin.

Menurut beliau, Sukan Singapura (SportSG) telah memberi gambaran akan memberi bantuan dan sokongan kepada Persisi dalam usahanya itu dan bagi perkembangan silat amnya.

Mengulas pelantikan itu, Nur Alfian berkata ia merupakan satu penghormatan baginya dan beliau berazam membantu pasukan mencapai tahap lebih baik sebagai atlet.

"Ia bakal menjadi satu pengalaman baru bagi saya tetapi saya berazam menjadi contoh terbaik kepada mereka.

"Selain menjadi penghubung antara pihak pengurusan dan jurulatih dengan pesilat, saya akan berusaha menunjukkan contoh yang baik kepada anggota pasukan lain menerusi sikap memberikan tumpuan 100 peratus kepada latihan dan pencapaian dalam pelajaran," kata Nur Alfian, pelajar Politeknik Ngee Ann dalam jurusan pentadbiran perniagaan dan penerima Biasiswa Spex.

Selain Sheik Farhan, beliau akan turut dibantu Sheik Ferdous Sheik Allau'ddin, Nur Shafiq Sheik Allau'ddin, Nur Jahid Hasif dan Nur Ziana Mohd Yazid yang mengetahui beberapa kumpulan pesilat mengikut kategori dan kumpulan usia.



MENGALIHKAN TANGGUNGJAWAB: Muhammad Shakir (*tenang*) menyarungkan sarung lengan kapten kepada Muhammad Nur Alfian dengan diikuti Muhammad Iqbal (*kanan*), yang menyerahkan sarung lengan penolong kapten kepada Sheik Farhan dengan diperhatikan CEO Persisi Sheik Allau'ddin dan pembantu kapten lain – (*dari kanan*) Sheik Ferdous, Nur Shafiq (*terlindung*), Nur Ziana dan Nur Jahid – dalam mesyuarat pasukan nasional di Pusat Kecemerlangan Silat Persisi malam kelmarin. – Foto M.O. SALLEH

"Ia bakal menjadi satu pengalaman baru bagi saya tetapi saya berazam menjadi contoh terbaik bagi mereka. Selain menjadi penghubung antara pihak pengurusan dan jurulatih dengan pesilat, saya akan berusaha menunjukkan contoh yang baik kepada anggota pasukan lain menerusi sikap memberikan tumpuan 100 peratus kepada latihan dan pencapaian dalam pelajaran."

– **Muhammad Nur Alfian Juma'en, kapten baru pesilat nasional, yang berazam membantu pasukan mencapai tahap lebih baik sebagai atlet.**

Bekas kapten Shakir diasah ambil alih tugas mentor dan jurulatih

BEKAS juara silat dunia Muhammad Shakir Juanda akan kekal menjadi pesilat sehingga selepas Sukan Asia Jakarta 2018 sebelum bertukar kerjaya sebagai mentor dan jurulatih baru nasional.

Demikian dinyatakan Ketua Pegawai Eksekutif Persekutuan Silat Singapura (Persisi) Sheik Allau'ddin Yacoub Marican dalam mesyuarat pasukan nasional yang menyaksikan pelantikan kapten baru malam kelmarin.

Tugas kapten nasional kini dipegang pemenang dua pingat emas Sukan SEA Muhammad Nur Alfian Juma'en, yang mengambil tugas itu daripada Muhammad Shakir.

"Shakir akan terus menjadi pesilat sehingga selepas Sukan

Asia Jakarta 2018 dan selepas itu beliau akan mengambil alih tugas sebagai mentor dan jurulatih pasukan nasional.

"Buat masa ini, selain menjadi pesilat, beliau akan menjalani tempoh pelatihan agar dapat diasah menjadi jurulatih yang baik," kata Sheik Allau'ddin.

"Selepas 2018, apabila beliau memutuskan untuk menamatkan kerjaya sebagai atlet, beliau akan menyumbat tugas baru sebagai jurulatih nasional pula.

"Bagi mempersiapkan dirinya untuk mengambil alih peranan baru itu, Shakir akan dihantar menjalani kursus-kursus berkaitan kejurulatihan.

"Dalam perubahan yang disusunkan Persisi ini, semua orang mempunyai peranan untuk dimainkan. Shakir akan beralih tu-

gas menjadi jurulatih bagi membolehkan Nur Alfian dan pesilat seusianya tampil mengambil peranan sebagai jurulatih."

Mengenai perubahan peranan itu, Muhammad Shakir, yang memenangi gelaran juara dunia dalam Kejohanan Pencak Silat Sedunia 2012 dan memikul tugas kapten sejak 2008, berkata beliau memandang ke depan memikul tugas baru sebagai jurulatih pada 2018.

"Sebenarnya saya ada membayangkan diri saya sebagai jurulatih pada suatu hari nanti.

"Pastinya ia satu pertukaran peranan yang mencabar tetapi insya-Allah dengan pengalaman sebagai pesilat atlet yang saya alami selama ini, saya akan berusaha memperbaiki apa-apa yang kurang.

"Tetapi buat masa ini, saya akan memberi sepenuh tumpuan menjadi atlet kerana saya masih dahagakan kemenangan dan mahu bertanding dalam Sukan SEA 2017 di Kuala Lumpur dan Sukan Asia di Jakarta pada 2018," terang Muhammad Shakir, yang mendirikan rumah tangga pada Disember lalu dan tidak sabar meninjau cahaya mata pertama November ini.

Namun, beliau terpaksa menarik diri daripada sebarang pertandingan buat masa ini kerana masih menjalani proses pemulihan akibat kecederaan lutut yang rumit dalam Kejohanan Pencak Silat Sedunia Januari lalu.

Beliau dijangka pulih dan kembali ke gelanggang Januari depan.